

03 MAY 1998

PERSETUJUAN BN SARAWAK PERLU UNTUK KEMASUKAN UMNO

KUCHING, 3 Mei (Bernama) -- Umno boleh memasuki Sarawak apabila satu persetujuan dicapai di kalangan Bumiputera di negeri ini, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, hari ini.

Kemasukan Umno ke negeri ini akan hanya menjadi kenyataan dengan restu empat parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri, katanya.

Parti-parti itu ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Sarawak ialah satu-satunya negeri yang masih belum menerima kemasukan Umno.

Taib, yang juga pengerusi BN Sarawak, berkata beliau telah membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan percaya ia akan menjadi kenyataan dalam masa 10 tahun lagi.

Kemasukan Umno akan menjadi fasa terakhir dalam integrasi politik, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat enam cawangan PBB di Asajaya, kira-kira 70km dari sini.

-- BERNAMA

CJ TS NAK